

Penilaian Tahap Kemahiran Pengurusan Kelas dan Motivasi Guru Pelatih Pelajar Sarjana Muda FPTV, UTHM

Arabiah Ain Ali¹, Fazlinda Ab Halim², Wan Hanim Nadrah Wan Muda³

^{1,2,3}*Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
arabiahainali@gmail.com, fazlin@uthm.edu.my, wanhanim@uthm.edu.my*

ABSTRAK

Pengenalan: Kemahiran pengurusan kelas dan motivasi guru pelatih memainkan peranan terutama sebagai persediaan menjadi guru sebelum melangkah ke dunia pendidik.

Objektif: Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kemahiran pengurusan kelas, tahap motivasi guru pelatih dan persepsi guru pelatih terhadap Latihan Mengajar serta hubungan antara pembolehubah tersebut.

Metodologi: Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Seramai 80 orang pelajar terlibat sebagai responden merupakan pelajar Sarjana Muda di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) yang mempunyai pengalaman dalam Latihan Mengajar (LM). Soal selidik digunakan dalam mengumpul data. Data kajian dianalisa secara deskriptif dan inferensi menggunakan skor min, sisihan piawai dan korelasi *Pearson*.

Dapatan: Dapatan kajian menunjukkan guru pelatih mempunyai tahap sederhana dalam kemahiran pengurusan kelas manakala motivasi guru pelatih pula berada pada tahap tinggi. Terdapat hubungan yang positif dan kuat antara motivasi dengan persepsi guru pelatih setelah selesai menjalani LM.

Kepentingan: Kemahiran pengurusan guru pelatih boleh diasah untuk meningkatkan lagi kemahiran demi kebaikan guru pelatih dan program pendidikan sedia ada universiti serta kepentingan menjaga momentum motivasi seterusnya persepsi guru pelatih terhadap pengalaman, pengetahuan dan pembelajaran selepas menjalani LM terus kekal positif.

Kata Kunci: guru pelatih, kemahiran pengurusan kelas, motivasi,

Pengenalan

Negara Malaysia punya pegangan tersendiri untuk semua institusi pendidikan supaya seragam dan kukuh dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) meskipun telah lama digunakan iaitu bermula tahun 1988, namun masih tetap relevan hingga abad ke-21 ini dan wajib dihayati dan difahami oleh para pendidik. Mendepani IR 4.0 dan Pendidikan 4.0 merupakan cabaran yang besar untuk guru zaman ini. Bentuk pembelajaran generasi Z sekarang adalah berbeza berbanding generasi sebelumnya (Hussin, 2018). Guru perlu sedar akan segala perubahan yang berlaku dalam dunia pendidikan dan pendekatan menjadi guru ketika mengajar di dalam kelas juga berubah. Ilmu asas menjadi guru seperti cara mengajar yang bukan sahaja tertumpu kepada dimensi yang boleh

dilihat dari luaran semata tetapi perlu juga dinilai dan dikaji dari sudut personal, rasional dan peningkatan berperingkat untuk membentuk guru berkualiti (Cuenca, 2010). Latihan mengajar atau praktikum bertujuan untuk memberi kesediaan kepada pelajar akan situasi sebenar menjadi guru dan melihat keberkesanan teknik dan kemahiran yang digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kelas (Gilewski, 2017).

Isu mengatakan tenaga pengajar tidak professional dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pendidik merupakan cabaran kepada KPM (Saidatul Amira & Irdyanti, 2018). Hal ini, perlu diatasi secara proaktif dengan memastikan bakal-bakal guru mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk menjadi seorang guru. Di samping itu, pengurusan kelas juga penting untuk guru menguasainya. Guru yang bijak menggunakan ruang, masa dan Alat Bahan Bantuan Mengajar (ABBM) membantu meningkatkan peluang pelajar menerima pembelajaran dengan lebih berkesan di dalam kelas (Sieberer-Nagler, 2015).

Melalui proses latihan mengajar (LM), guru pelatih akan menimba pengalaman dan pengetahuan terutama dalam mengasah kemahiran pengurusan kelas juga membantu menaikkan keyakinan diri (Dierking & Fox, 2013). Segala ilmu yang telah dipelajari akan diaplikasikan semasa menjalani LM. Profesion sebagai guru pastinya banyak berinteraksi dengan pelajar terutama ketika mengajar sama ada di dalam kelas atau makmal tidak terkecuali kepada guru pelatih. Guru pelatih perlu mengambil peluang untuk mengasah kemahiran mengurus kelas dengan baik supaya dapat dipraktikkan setelah menjadi guru sebenar. Maka, untuk menjadi guru yang berkualiti, guru perlu mempunyai kemahiran mengurus kelas yang berkesan (Salameh, Al-Omari, & Jumia'an, 2011).

Di samping itu, seorang guru perlu sentiasa bermotivasi dalam kerjayanya. Ini kerana, motivasi seorang guru itu sendiri adalah penggerak utama bagi menggalakkan usaha dalam pendidikan (Kumari, 2017). Secara umum, motivasi yang datang dari dalaman individu akan mempengaruhi kelakuan seseorang bagi mencapai matlamat tertentu serta meningkatkan kualiti dan prestasi kerja (Zlate & Cucui, 2015) seterusnya objektif PdP yang telah dirancang akan tercapai tercapai. Faktor daripada keharmonian sekolah seperti suasana iklim sekolah, disiplin pelajar, motivasi pelajar, sokongan daripada pihak sekolah dan hubungan erat dengan kakitangan sekolah juga memberi pengaruh kepada rendahnya motivasi guru (Halimah Harun, 2006).

Praktikum atau latihan mengajar sangat penting menandakan kejayaan persediaan menjadi guru (Cherry, 2015). Program latihan mengajar untuk guru pelatih kebiasannya sesuatu pendedahan yang panjang dalam prospek profesion pendidikan (Cohen, Hoz, & Kaplan, 2013). Dalam tempoh latihan, guru pelatih akan membina pengalaman baharu dan terbentuknya sudut pandangan berbeza terhadap profesion perguruan (Cretu, 2019). Disebabkan itu, memahami bagaimana guru pelatih menggarap pengalaman dan pengetahuan semasa latihan mengajar adalah sangat penting terutama kepada pensyarah, guru dan institusi pendidikan supaya mampu menyediakan ilmu yang sepatutnya kepada guru pelatih (Cretu, 2019). Oleh itu, kajian ini akan menumpukan kepada dua aspek utama iaitu kemahiran pengurusan kelas dan juga motivasi. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji tahap kemahiran pengurusan kelas dan motivasi serta persepsi guru pelatih setelah selesai menjalani LM.

Metodologi kajian

Data dikumpulkan daripada guru pelatih dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menggunakan kaedah tinjauan. Kajian ini adalah berbentuk deskriptif-korelasi dengan menggunakan instrumen soal selidik untuk mengumpul data. Seramai 387 pelajar Ijazah Sarjana Muda yang telah menjalani LM. Penentuan sampel saiz menggunakan teknik yang diperkenalkan

oleh Cohen (1988) iaitu Cohen Statistical Power Analysis sebanyak 80 guru pelatih diperlukan sebagai sampel kajian untuk mewakili populasi tersebut.

Instrumen kajian ini mengandungi empat bahagian (A,B,C dan D): Bahagian A meliputi demografi responden. Bahagian B berkenaan kemahiran pengurusan kelas yang diadaptasi daripada kajian Alexander-Rami (2011). Bahagian C berkenaan motivasi guru pelatih diambil daripada kajian Sharif, Hossan, dan McMinn (2014) manakala untuk Bahagian D berkaitan dengan persepsi guru pelatih terhadap latihan mengajar diadaptasi daripada kajian Nuangchalerm (2016). Borang kaji selidik telah diserahkan kepada pakar yang terdiri pensyarah untuk menentukan kesahan muka, konstruk dan kandungan. Komen yang diberikan oleh pakar telah digunakan untuk membaiki item instrument. Kajian rintis telah dilaksanakan untuk menentukan pekali kebolehpercayaan instrumen tersebut. Sekumpulan 30 guru pelatih yang dipilih sebagai sampel kajian dalam kajian rintis ini. Pekali kebolehpercayaan instrumen ditentukan dengan menggunakan alpha Cronbach. Pekali kebolehpercayaan untuk mengukur kemahiran pengurusan kelas ialah 0.935, motivasi guru pelatih ialah 0.716 dan persepsi guru pelatih ialah 0.825. Data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 24.0. Data deskriptif dianalisis dengan menggunakan frekuensi, min dan sisihan piawai untuk menganalisis dapatan kemahiran pengurusan kelas, motivasi dan persepsi guru pelatih. Hubungan antara pembolehubah ditentukan dengan menggunakan pekali korelasi Pearson (r).

Dapatan kajian

Dapatan kajian dilaporkan berdasarkan empat aspek, iaitu demografi responden, kemahiran pengurusan kelas, motivasi dan persepsi guru pelatih. Kajian ini melibatkan seramai 80 orang responden yang terdiri daripada 41 orang (51.30%) responden lelaki dan perempuan 39 orang (48.8%). Responden yang menjalani LM di Kolej Vokasional adalah yang teramai daripada institusi lain iaitu seramai 42 orang (52.50%) diikuti Sekolah Menengah 17 orang (21.30%). Sekolah Menengah Teknik 10 orang (12.50%) dan Kolej Komuniti ialah 9 orang (11.30%). KKTM hanya 2 orang (2.50%) sahaja daripada 80 orang jumlah keseluruhan.

Bahagian B melibatkan pengukuran kemahiran pengurusan kelas mengandungi 36 item terkandung dalam 5 konstruk. Jadual 1 menunjukkan skor min untuk setiap konstruk kemahiran pengurusan kelas. Konstruk “mewujudkan suasana yang adil”, “jangkaan pembelajaran kepada setiap pelajar berdasarkan komunikasi” dan “memastikan persekitaran fizikal adalah selamat dan kondusif untuk pembelajaran” masing mencatat skor min 4.38, 4.00 dan 4.169 menunjukkan berada pada tahap tinggi. Manakala untuk konstruk “membina dan mengekalkan hubungan erat dengan pelajar” dan “membina dan mengekalkan standard yang konsisten kelakuan di dalam kelas” menunjukkan skor min 3.95 dan 3.477 menandakan tahap sederhana tinggi.

Jadual 1: Skor Min Konstruk Kemahiran Pengurusan Kelas

| Bil | Konstruk Kemahiran Pengurusan Kelas | Min |
|-----|--|-------|
| 1 | Mewujudkan suasana yang adil | 4.380 |
| 2 | Membina dan mengekalkan hubungan erat dengan pelajar | 3.950 |
| 3 | Jangkaan pembelajaran kepada setiap pelajar berdasarkan komunikasi | 4.000 |
| 4 | Membina dan mengekalkan standard yang konsisten kelakuan di dalam kelas. | 3.477 |
| 5 | Memastikan persekitaran fizikal adalah selamat dan kondusif untuk pembelajaran | 4.169 |

Bahagian motivasi mengandungi 11 item dengan menyentuh motivasi intrinsik, ekstrinsik dan altruistik. Skor min tertinggi ialah pada item pertama iaitu “saya seronok bekerja dengan penglibatan pelajar” dengan nilai 4.713. Item motivasi yang terendah mencatat nilai skor min 3.813 iaitu item yang kesepuluh “mengajar akan menjanjikan saya mendapat pekerjaan selepas saya bergraduasi”.

Jadual 2: Skor Min Bahagian Motivasi Guru Pelatih.

| Bil | Item Motivasi | Min |
|-----|---|-------|
| 1 | Saya seronok bekerja dengan penglibatan pelajar. | 4.713 |
| 2 | Saya ingin menjadi sebahagian dalam pembaharuan sistem pendidikan di Malaysia. | 4.213 |
| 3 | Pelajar memerlukan saya dalam pembangunan diri mereka. | 4.063 |
| 4 | Saya ingin berkongsi pengetahuan dengan pelajar. | 3.888 |
| 5 | Saya memang ingin menjadi seorang guru. | 4.813 |
| 6 | Suasana alam pekerjaan di sekolah adalah baik. | 4.363 |
| 7 | Kerjaya sebagai pengajar sesuai dengan kehidupan berkeluarga – ada masa bersama keluarga. | 4.200 |
| 8 | Gaji sebagai guru adalah tinggi / menarik. | 4.450 |
| 9 | Saya ingin berseronok apabila semasa cuti sekolah tiba. | 3.938 |
| 10 | Saya seronok bekerja dengan penglibatan pelajar. | 3.813 |
| 11 | Pekerjaan sebagai guru mempunyai status yang tinggi dalam masyarakat. | 4.388 |

Berdasarkan pada Jadual 3, menunjukkan analisis persepsi guru pelatih dalam aspek pengalaman, pengetahuan dan pembelajaran. Terdapat sembilan item yang telah diukur bagi melihat persepsi guru pelatih. Merujuk kepada item-item ini, item 3 “Latihan Mengajar membantu saya memahami kehidupan masyarakat setempat” dan item 4 “Latihan Mengajar memberi pengetahuan tentang kehidupan masyarakat setempat” masing-masing mendapat skor min 3.388 dan 3.625. Merujuk kepada interpretasi, item tiga dan empat berada pada tahap sederhana. Item-item yang lain mendapat skor min diantara 4.30 hingga 5.00 bermakna persepsi guru pelatih bagi item di dalam persepsi guru pelatih ialah tinggi.

Jadual 3 : Skor Min Bahagian Persepsi Guru Pelatih

| Bil | Item Persepsi | Min |
|-----|---|-------|
| 1 | Pengalaman Latihan Mengajar mempunyai kaitan dengan kursus pengajian di universiti. | 4.438 |
| 2 | Latihan Mengajar mendorong saya untuk memahami apa yang dipelajari dengan kursus pengajian di universiti. | 4.463 |
| 3 | Latihan Mengajar membantu saya memahami kehidupan masyarakat setempat. | 3.388 |
| 4 | Latihan Mengajar memberi pengetahuan tentang kehidupan masyarakat setempat. | 3.625 |
| 5 | Latihan Mengajar memberi saya pengalaman hidup sebenar dunia pekerjaan. | 4.525 |
| 6 | Latihan Mengajar penting untuk memberi pengalaman sebagai persediaan menjadi pengajar dan pengetahuan. | 4.563 |

| | | |
|---|---|-------|
| 7 | Latihan Mengajar penting untuk memberi pengetahuan sebagai persediaan menjadi pengajar. | 4.525 |
| 8 | Latihan Mengajar menggalakkan perkongsian pengetahuan dengan pelajar. | 4.500 |
| 9 | Latihan Mengajar mendidik guru pelatih bekerja secara sistematik. | 4.700 |

Dapatan daripada kemahiran pengurusan kelas, motivasi dan persepsi guru pelatih untuk menjawab persoalan kajian pertama, kedua dan ketiga diperjelaskan dengan data berbentuk skor min dan sisihan piawaian seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 4. Skor min kemahiran pengurusan kelas menunjukkan nilai min 3.913 bermaksud kemahiran kemahiran pengurusan kelas guru pelatih pelajar Sarjana Muda FPTV, UTHM berada pada tahap sederhana tinggi. tahap motivasi guru pelatih berada pada tahap tinggi dengan nilai skor min 4.258. Ini diikuti dengan persepsi guru pelatih selesai menjalani LM di tahap tinggi iaitu dengan nilai purata 4.088.

Jadual 4: Analisis Kemahiran Pengurusan Kelas, Motivasi dan Persepsi Guru Pelatih

| | Skor Min | Sisihan Piawaian |
|----------------------------|----------|------------------|
| Kemahiran Pengurusan Kelas | 3.913 | 0.170 |
| Motivasi | 4.258 | 0.310 |
| Persepsi | 4.088 | 0.343 |

Jadual 5 pula menunjukkan hasil ujian korelasi bagi melihat hubungan yang signifikan antara persepsi guru pelatih selepas menjalani LM dengan kemahiran pengurusan kelas dan motivasi. Merujuk kepada Jadual 5, hubungan antara kemahiran pengurusan kelas dengan persepsi guru pelatih adalah tidak signifikan dan tiada hubungan antara keduanya ($p > 0.05$). Manakala hubungan antara persepsi dan motivasi guru pelatih menunjukkan korelasi positif yang signifikan ($p < 0.05$) dengan nilai $r = 0.50$. Ini menunjukkan terdapat kekuatan hubungan yang tinggi antara motivasi dengan persepsi guru pelatih pelajar Sarjana Muda FPTV selepas menjalani LM. Jika guru pelatih mempunyai motivasi tinggi maka tinggi juga persepsi guru pelatih terhadap dirinya selepas menjalani Latihan Mengajar.

Jadual 5 : Hubungan Persepsi Guru Pelatih Selepas Menjalani LM dengan Kemahiran Pengurusan Kelas dan Motivasi Guru Pelatih

| Korelasi | | Persepsi |
|----------------------------|------------------|----------|
| Kemahiran Pengurusan Kelas | Korelasi Pearson | 0.117 |
| | Sig. (2-tailed) | 0.303 |
| Motivasi | Korelasi Pearson | 0.500 |
| | Sig. (2-tailed) | 0.000 |

Perbincangan

Terdapat tiga persoalan terlibat dalam kajian ini. Persoalan kajian pertama mendapati tahap kemahiran pengurusan kelas bagi pelajar Sarjana Muda FPTV adalah pada tahap sederhana. Dapatan kajian ini agak berbeza dengan kajian oleh Moin dan Wan Mohamed, 2017; Sidek dan

Mohd Tahir, 2014 di mana hasil kajian mereka menyatakan guru pelatih mempunyai kemahiran pengurusan yang tinggi. Namun dapatan kajian yang berbeza kemungkinan berlaku kerana struktur kurikulum dan penerimaan ilmu pengetahuan berbeza mengikut institusi pengajian tinggi. Kebanyakannya, kajian lepas mengkaji guru pelatih di institusi bukan berlatar belakangkan pendidikan teknikal dan vokasional.

Dapatan kajian juga menunjukkan tahap motivasi guru pelatih adalah tinggi. Dapatan kajian ini mempunyai keputusan yang konsisten dengan kajian daripada Selamat dan Md Johan (2009) di mana motivasi guru pelatih di IPG tinggi. Ini menunjukkan guru pelatih mempunyai persediaan yang cukup dari segi mental dan fizikal. Guru yang tinggi motivasi akan memberi impak positif pada akademik pelajar kerana mempunyai hubungan yang signifikan (Jaafar & Md Johan, 2009).

Pengetahuan dan pemahaman guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar untuk mendapatkan pengalaman adalah penting kepada individu tersebut dan juga institusi pendidikan kerana dapat memberi maklumat tentang perkembangan pelatih-pelatih semasa menjalani tempoh latihan mengajar (Ozdas, 2018). Oleh itu dapatan mengenai persepsi guru pelatih ini amat penting. Persepsi guru pelatih terhadap program LM yang dilaluinya adalah positif dan berada pada tahap yang tinggi. Guru pelatih menunjukkan persetujuan mereka tentang pengalaman yang mereka peroleh semasa LM mempunyai kaitan dengan kursus universiti serta input-input daripada mata pelajaran di universiti. Pengalaman ini sangat membantu guru pelatih untuk lebih memahami ketika berada dalam situasi sebenar untuk menjadi guru kelak. Dapatan kajian ini selari dengan kajian lepas oleh Amankwah, Oti-Agyen dan Sam (2017). Selain itu juga, persepsi yang baik diberi oleh pelatih terhadap tempoh pelaksanaan LM.

Akhir sekali, dapatan menunjukkan tiada hubungan yang signifikan antara kemahiran pengurusan kelas dengan persepsi guru pelatih berkenaan pelaksanaan LM. Ini bermakna kemahiran pengurusan kelas guru pelatih saling tidak mempengaruhi persepsi guru pelatih terhadap LM kerana persepsi pelatih dilihat pada aspek kognitif aras rendah berpandukan Taksonomi Bloom. Kemahiran pengurusan kelas melibatkan bukan semata pemikiran kognitif malah ada juga penglibatan domain afektif dan psikomotor guru (Bear, 2014; Dali & Salleh, 2009; Kounin & Gump, 1958; Piwowar, Thiel, & Ophardt, 2013).

Kesimpulan

Tempoh guru pelatih dalam menjalani LM sangat penting di mana pelajar akan belajar menjadi guru sebenar di tempat yang sebenar dengan memegang watak sebagai pelajar universiti dalam masa yang sama sebagai guru di sekolah. Kemahiran dan motivasi guru pelatih perlu sentiasa berada pada tahap terbaik supaya bersedia menceburi bidang pendidikan pada masa yang sebenar. Kemahiran pengurusan guru pelatih boleh ditingkatkan lagi untuk kebaikan guru pelatih dan program pendidikan sedia ada universiti serta kepentingan menjaga momentum motivasi supaya persepsi guru pelatih terhadap kualiti program LM ini di tahap terbaik.

Kajian dilakukan ke atas guru pelatih sebenarnya memberi maklumat baharu terutama kepada pihak fakulti dan jabatan yang berkaitan dengan Latihan Mengajar dan ikhtisas pendidikan. Jika sebelum ini, pelajar-pelajar Sarjana Muda pendidikan menekankan kepada aspek Pedagogi dan Pengajaran Mikro, namun aspek pengurusan kelas juga boleh diperhalusi lagi. Begitu juga dengan aspek motivasi pelajar sama ada benar-benar keadaan terbaik atau sebaliknya.

Rujukan

- Alexander-Rami, C. (2011). *Perceptions of First Year Teachers' Classroom Management Abilities and the Mentoring Experience* (Northcentral University). Retrieved from <http://search.proquest.com/docview/916905138?accountid=7374>
- Amankwah, F., Oti-Agyen, P., & Sam, F. K. (2017). Perception of pre-service teachers' towards the teaching practice programme in college of technology education, University of Education, Winneba. *Journal of Education and Practice*, 8(4), 13–20.
- Bear, G. G. (2014). Preventive and classroom-based strategies. In *Handbook of classroom management* (pp. 25–49). Routledge.
- Cherry, J. (2015). Diversity Education, Practicum Experience for Preservice Teachers. In *American International Journal of Social Science* (Vol. 4). Retrieved from www.aijssnet.com
- Chuan, C. L. (2006). Sample size estimation using Krejcie and Morgan and Cohen statistical power analysis: A comparison. *Jurnal Penyelidikan IPBL*, 7(1), 78–86.
- Cohen, E. (Sayag), Hoz, R., & Kaplan, H. (2013). The practicum in preservice teacher education: A review of empirical studies. *Teaching Education*, Vol. 24, pp. 345–380. <https://doi.org/10.1080/10476210.2012.711815>
- Cohen, J. (1988). Statistical power analysis for the behavioural sciences / Jacob Cohen (2nd ed.). In *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences*.
- Creswell, J. . (2008). Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research. In *Pearson Education*.
- Cretu, D.-M. (2019). *Pre-Service Teachers' Perceptions On Their Practicum In School*. 412–420. <https://doi.org/10.15405/epsbs.2019.08.03.49>
- Cuenca, A. (2010). Self-Study Research: Surfacing the Art of Pedagogy in Teacher Education. *Online Submission*, 3(2), 15–29.
- Dali, M. H., & Salleh, M. J. (2009). *Pengurusan Bilik Darjah* (Pengajaran). Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Dierking, R. C., & Fox, R. F. (2013). “Changing the Way I Teach”: Building Teacher Knowledge, Confidence, and Autonomy. *Journal of Teacher Education*, 64(2), 129–144. <https://doi.org/10.1177/0022487112462893>
- Gilewski, C. D. (2017). *Preservice teachers' beliefs: An examination of how educational experiences shape elementary preservice teachers' beliefs about teaching and learning - Education Database - ProQuest* (The University of Memphis). Retrieved from <https://search-proquest-com.ezproxy.uthm.edu.my/education/docview/1884347984/1E657E7B83F4423DPQ/6?accountid=50362>
- Halimah Harun. (2006). Minat, motivasi dan kemahiran mengajar. *Jurnal Pendidikan*, 31, 83–96.
- Hussin, A. A. (2018). Education 4.0 Made Simple: Ideas For Teaching. *International Journal of Education and Literacy Studies*, 6(3), 92–98.
- Jamian, A. R., Razali, N. N., & Othman, S. (2015). Keupayaan Guru Pelatih Terhadap Pelaksanaan Aktiviti Semasa Latihan Mengajar dalam Pembentukan Guru Novis. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 40(1), 75–81.
- Kounin, J. S., & Gump, P. V. (1958). The Ripple Effect in Discipline. *The Elementary School Journal*, 59(3), 158–162. <https://doi.org/10.1086/459706>
- Kumari, N. (2017). Teacher Motivation and Perception of Effectiveness of Curriculum. *Bhatter College Journal of Multidisciplinary Studies*. <https://doi.org/10.25274/bcjms.v7n2.v7n2sc01>
- Mohd Nor, U. N., Mahamod, Z., & Badusah, J. (2011). Penerapan Kemahiran Generik dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(i), 71–84.
- Moin, I., & Wan Mohamed, W. A. (2017). Efikasi Kendiri Guru Pelatih IPGKTHO dalam Melahirkan Guru Abad 21. *Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional*, 1–8.

- Nuangchalerm, P. (2016). Local Service Learning in Teacher Preparation Program. *Journal of Education and Learning*, 10, 8–14. <https://doi.org/10.11591/edulearn.v10i1.2821>
- Piwowar, V., Thiel, F., & Ophardt, D. (2013). Training inservice teachers' competencies in classroom management. A quasi-experimental study with teachers of secondary schools. *Teaching and Teacher Education*, 30(1), 1–12. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2012.09.007>
- Saidatul Amira, H., & Irdyanti, M. N. (2018). Menerokai Dimensi Guru Teknikal Dalam Sistem Pendidikan Teknikal Dan Vokasional. *National E-Learning Conferences, At Politeknik Port Dickson*.
- Salameh, K., Al-Omari, A., & Jumia'an, I. (2011). Classroom Management Skills among Beginning Teachers' in Jordan: Preparation and Performance. *International Journal of Applied Educational ...*, 36–49. Retrieved from <http://scholar.google.com/scholar?hl=en&btnG=Search&q=intitle:Classroom+Management+Skills+among+Beginning+Teachers+'in+Jordan'+Preparation+and+Performance#0>
- Sharif, T., Hossan, C. G., & McMinn, M. (2014). Motivation and Determination of Intention to Become Teacher: A Case of B.Ed. Students in UAE. *International Journal of Business and Management*, 9(5), 60–73. <https://doi.org/10.5539/ijbm.v9n5p60>
- Sidek, Z., & Mohd Tahir, A. H. (2014). *Tahap Efikasi Kendiri Dalam Pengurusan Bilik Darjah Dalam Kalangan Guru-Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru (IPG)*. UKM.
- Sieberer-Nagler, K. (2015). Effective Classroom-Management & Positive Teaching. *English Language Teaching*, 9(1), 163. <https://doi.org/10.5539/elt.v9n1p163>
- Zlate, S., & Cucui, G. (2015). Motivation and Performance in Higher Education. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 180(November 2014), 468–476. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.02.146>